



Daripada : Cik Nancy Anak Joan
Penolong Pengurus, Unit Government Technology (GovTech)

Kepada : YBrs. Tn. Haji Zahid bin Ismail
Ketua Pengarah MPC

Melalui : Encik Mohd Hisyam Hatimtai
Pengurus Kanan, Unit Government Technology (GovTech)

**PEKARA : PELETAKAN JAWATAN SEBAGAI PENOLONG PENGURUS
E.9**

Tuan,

Dengan segala hormatnya pekara diatas adalah dirujuk, saya Nancy Anak Joan memegang jawatan Penolong Pengurus E9 dari Seksyen Unit Government Technology (GovTech) ingin memaklumkan hasrat saya untuk meletak jawatan yang berkuatkuasa pada 1 April 2025.

2. Keputusan ini disebabkan saya telah mendapat tawaran pekerjaan yang baharu di Sarawak, ia bukanlah sesuatu yang mudah, namun saya merasakan bahawa ia adalah langkah terbaik untuk perkembangan kerjaya dan peribadi saya. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang dan sokongan yang diberikan sepanjang tempoh 4 tahun 3 bulan saya bekerja di sini. Segala pengalaman dan pengetahuan yang saya perolehi semasa bekerja di MPC ini amat berharga dalam perkembangan kerjaya saya.

3. Sepanjang tempoh notis ini, saya akan memastikan semua tugas dan tanggungjawab saya disiapkan serta diserahkan kepada pihak yang berkenaan. Sekali lagi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas segala sokongan, bimbingan dan kepercayaan yang diberikan oleh pihak pengurusan dan rakan sekerja sepanjang saya berkhidmat di sini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(NANCY ANAK JOAN)

Tarikh : 20/2/2025